

R GB 09-01 00184 BA839

bah

KESUNGGUHAN BERSAMA MEMBANGUNKAN MASYARAKAT PERDAGANGAN BUMIPUTERA

Mahathir - kongres

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Penggemblengan sumber tenaga, kepakaran serta komitmen semua golongan di negara ini diperlukan bagi membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata bukan sahaja golongan bumiputera perlu bersungguh-sungguh bahkan golongan bukan bumiputera juga mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menentukan matlamat itu tercapai.

+Adalah menjadi hasrat dan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang teguh dan berdaya tahan selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional,+ katanya dalam kata-kata aluan pada buku cenderamata Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga yang bermula esok.

Perdana Menteri akan merasmikan kongres tiga hari itu anjuran bersama kerajaan dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM) di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Ia bertemakan +Ke arah membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdaya tahan+.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kongres kali ini berbeza dari Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama pada tahun 1965 dan kongres kedua pada tahun 1968 kerana ia melibatkan penyertaan golongan bukan bumiputera. -- Lagi.

▼09/01/15-44MST

R GB 09-01 00163 BA840

bah

Mahathir - kongres 2 Kuala Lumpur

Beliau menggesa golongan Bumiputera supaya mempunyai komitmen tinggi di samping mempraktikkan nilai-nilai persaingan, kecekapan, kualiti serta amalan pengurusan yang baik bagi membangunkan MPPB.

+Kaedah-kaedah ini penting bagi melahirkan usahawan-usahawan Bumiputera yang berkualiti dan berdaya tahan yang dapat menyumbang secara positif terhadap wawasan untuk mencapai tahap negara maju menjelang tahun 2020,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kongres itu tepat pada masanya kerana membolehkan kerajaan mendapat pandangan daripada peserta pelbagai latar belakang untuk merangka dasar dan tindakan khusus mewujudkan MPPB.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid selaku pengerusi jawatankuasa kongres berkata untuk mencapai hasil sepenuhnya, kongres itu disertai anggota-anggota Pentadbiran, usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera, cendekiawan dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Yang Dipertua DPPMM, Dr Nawawi Mat Awin berkata kongres itu menjadi forum kepada usahawan Bumiputera untuk menilai pencapaian dan kekurangan diri bagi merumuskan kaedah baru menghadapi cabaran menjelang tahun 2020. -- Bernama.